

Sinar Harian 1/2/2019 m/s 34

Empat nelayan asing kantoikan palsu pengenalannya diri

KEMAMAN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kemaman menahan empat nelayan asing yang memalsukan pengenalannya diri selepas bot nelayan tempatan yang dinaiki mereka ditangkap.

Bot itu ditahan kira-kira jam 8.45 pagi kelmarin pada jarak lebih kurang 36 batu nautika dari Tanjung Mat Amin, di sini, ketika kapal peronda Maritim Malaysia sedang melakukan rondaan di sekitar perairan Kemaman.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidil-

hadi Abd Rashid berkata, semasa pemeriksaan dilakukan terdapat seorang tekong dan empat awak-awak warga Thailand dan Kemboja di dalam bot berkenaan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati empat awak-awak itu memiliki pasport dan permit kerja palsu dan meragukan. Keempat-empat awak-awak ini berusia antara 29 hingga 52 tahun.

"Kes ini merupakan tangkapan pertama oleh Zon Maritim Kemaman yang melibatkan kes pengenalannya diri palsu pada tahun ini," katanya, semalam.

Rashidilhadi memberitahu, bot beserta awak-awak terbabit kemudian

dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman di Bukit Kuang, di sini, untuk siasatan lanjut di bawah Akta Imigresen 1959 dan Akta Pasport 1966.

Menurutnya, pihaknya akan terus mempertingkatkan kawalan keselamatan menjelang cuti perayaan Tahun Baharu Cina bagi memastikan perairan Terengganu selamat daripada aktiviti pelanggaran undang-undang.

Katanya, komuniti maritim juga dialu-alukan menyalurkan maklumat jika mengetahui mengenai kegiatan yang melanggar undang-undang terutama melibatkan penceroobohan nelayan asing.



Empat awak-awak warga Thailand dan Kemboja (belakang) didapati menggunakan pasport dan permit kerja palsu.